



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

**MAJLIS PELANCARAN
ANUGERAH INDUSTRI HIJAU 2016
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
MALAYSIA**

30 SEPTEMBER 2016 (JUMAAT)

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Anugerah Industri Hijau 2016 di Hotel Bangi-Putrajaya, Selangor, hari ini.

Majlis ini telah dihadiri lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada penggiat industri, auditor industri hijau, pegawai-pegawai Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisation* - NGO). Objektif utama Anugerah Industri Hijau adalah untuk memberikan pengiktirafan, dorongan dan motivasi kepada pihak industri khususnya

Perusahaan Kecil dan Sederhana atas inisiatif, usaha-usaha proaktif dan komitmen berterusan yang ditunjukkan dalam melaksanakan Amalan Industri Hijau dan mengadaptasi elemen Pengeluaran Bersih (*Cleaner Production*) dalam proses pembuatan dan pengeluaran produk. Anugerah yang julung kali diadakan ini akan membantu dalam mempromosi dan menggalakkan lebih banyak industri untuk mengamalkan konsep Amalan Industri Hijau pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, pencapaian pelaksanaan Amalan Industri Hijau adalah melalui amalan konsep Pengeluaran Bersih atau *Cleaner Production (CP) Concept*. Konsep ini memberi penekanan kepada meminimumkan penggunaan bahan mentah dan seterusnya mengurangkan sisa buangan sebagai langkah pencegahan awal pencemaran dan kawalan bagi mengelakkan impak ketara ke atas alam sekitar tanpa menjejaskan produktiviti industri.

Amalan Industri Hijau dan konsep *Cleaner Production* adalah selaras dengan hasrat Kerajaan di bawah salah satu teras Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe11) iaitu Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi Meningkatkan Kemampanan dan Daya Saing. Usaha ini juga merupakan salah satu pendekatan dan elemen baru kepada konsep *Guided Self Regulation* yang perlu dilaksanakan oleh pihak industri ke arah pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penjimatan penggunaan utiliti dan pengurangan sisa buangan yang menjurus kepada proses pengeluaran industri yang lebih bersih dan efisien ini secara tidak langsung mengurangkan jejak karbon atau *carbon footprint* selaras dengan hasrat negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse gas - GHG*) daripada Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang tahun 2030 berbanding intensiti pelepasan GHG paras pada tahun 2005.

Bagi Majlis Anugerah Industri Hijau Tahun 2016, pemenang keseluruhan Anugerah Industri Hijau 2016 akan menerima wang tunai sebanyak RM3,000 berserta trofi dan sijil. Selain pemenang keseluruhan, Anugerah Industri Hijau tahun ini juga memberikan pengiktirafan kepada 3 pemenang bagi kategori iaitu Kategori Pengurusan Alam Sekitar, Kategori Aktiviti *Corporate Social Responsibility (CSR)* dan Kategori Mengagenda Industri Hijau. Pemenang bagi setiap kategori ini akan menerima wang tunai berjumlah RM 1,000 berserta trofi dan sijil.

Pelaksanaan Anugerah Industri Hijau ini dijangka akan menjadi pendorong dan pencetus motivasi kepada premis dan industri lain untuk terus memberikan komitmen dalam mempraktikkan Amalan Industri Hijau dan menerapkan elemen *cleaner production* dalam proses pembuatan dan penghasilan produk ke arah mencapai kelestarian alam sekitar.